

Headline **Vaksin untuk aids**
Date **01 Jan 2010**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Kosmo 2**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **108,796 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **36**
Article Size **122 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,061**
PRValue **3,182**



Vaksin untuk AIDS?

PARA penyelidik Amerika Syarikat (AS) telah menemui dua antibodi baru yang hebat dan mungkin berpotensi dibangunkan menjadi vaksin AIDS.

Antibodi-antibodi tersebut dihasilkan secara natural oleh sekumpulan kecil penghidap HIV. Ia mampu meneutralkan sebahagian besar jenis virus HIV yang tersebar di serata dunia.

Para penyelidik dari California itu percaya mereka boleh mencipta satu vaksin yang efektif. Lebih-lebih lagi jika vaksin tersebut mampu merangsang tubuh menghasilkan antibodi 'peneutral' sebelum seseorang terdedah kepada virus HIV.

Naib Presiden Kanan bahagian penyelidikan dan pembangunan di International AIDS Vaccine Initiative, Wayne Koff berkata, antibodi-antibodi tersebut merupakan yang pertama pernah dikenal pasti dalam tempoh lebih sedekad. Ia juga yang pertama daripada penderma-penderma di negara-negara membangun. Negara-negara itu mencatatkan kadar jangkitan HIV baru sebanyak 95 peratus.

Antibodi-antibodi itu menjejaskan bahagian virus yang berfungsi menjangkiti sel-sel sebelum menyerang sistem imunisasi tubuh. – Journal Science